

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/1/2011

Jumlah hutang syarikat sengaja dibesar-besarkan

# Tiada masalah kewangan

Oleh **AINUL ASNIERA AHSAN**  
ainul.ahsan@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 5 Jan. - Empayar MMC Corp. Bhd. (MMC), syarikat senaraian awam yang dimiliki oleh tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary, sama sekali tidak akan mengulangi sejarah Renong Bhd. (Renong) yang runtuh akibat beban hutang yang tinggi.

Sumber yang rapat dengan tokoh itu berkata, jumlah hutang yang ditanggung MMC dan anak-anak syarikatnya tidak sebesar seperti yang didakwa oleh pihak-pihak yang sengaja membesar-besarkan isu hutang milik syarikat konglomerat itu.

"Dakwaan ini bukan sahaja tidak benar tetapi juga tidak berasas langsung. Ia dibuat hanya berdasarkan persepsi pihak tertentu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sumber itu membuat kenyataan itu sebagai reaksi terhadap laporan Straits Times Singapura yang mendakwa Syed Mokhtar kini berdepan dengan masalah hutang berjumlah RM25 bilion dengan RM21 bilion adalah daripada MMC.

Mengulas lanjut tentang dakwaan itu, sumber berkenaan tidak menolak tuduhan seumpama itu buat kerana perasaan 'sakit hati' tetapi enggan mengulas lanjut.

Bagi menjelaskan perkara itu, sumber itu



berkata, hutang MMC sahaja hanya RM6.7 bilion sahaja dan syarikat-syarikat berkaitan dengan tokoh korporat itu iaitu RM20.9 bilion.

Paling besar ialah hutang Malakoff Bhd. (Malakoff) RM14.2 bilion dan Pelabuhan Tanjung Pelepas RM2.6 bilion.

Tegas beliau, biarpun hutang Malakoff

adalah besar tetapi syarikat itu masih mampu melunaskannya kerana ia memiliki konsesi perjanjian yang panjang.

Beliau menambah, hutang yang ditanggung Malakoff dan PTP juga tidak boleh direkurs (recourse) oleh MMC, sebaliknya perlu dilangsaikan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Bagi memperkukuhkan bahawa MMC tidak mempunyai masalah kewangan, sumber itu berkata, pada suku ketiga 2010, ia menerima dividen sebanyak RM200.4 juta berbanding RM189.3 juta pada tempoh yang sama 2009.

Berikutan itu, kata sumber tersebut, MMC memperoleh projek aliran transit massa kerana keupayaan untuk mengendalikan projek kerajaan itu, selain kewangan yang kukuh.

Malah, katanya, Credit Suisse yang membuat penarafan terhadap MMC mengunjurkan keupayaan syarikat itu untuk memperoleh EBITDA sebanyak RM3.25 bilion daripada anak-anak syarikatnya.

Tambah beliau, MMC mempunyai gearan (nisbah hutang berbanding ekuiti) 2.6 kali dengan dilindungi kadar faedah, setakat ini, syarikat itu tidak pernah mempunyai masalah untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

Difahamkan MMC baharu selesai melaksanakan pembiayaan semula hutangnya berjumlah RM750 juta daripada sebuah bank perdagangan.

Selain projek MRT, MMC pula masih melaksanakan projek landasan berkembar, satu projek pembangunan yang mampu memberi keuntungan.

Malah, sumber berkata, MMC juga masih mempunyai tanah di Senai Industrial Park yang boleh menjana kewangan tunai syarikat tersebut